

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2022

TINGKATAN 4

BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

PENYERAHAN SARAWAK KEPADA KERAJAAN BRITISH	
Faktor Penyerahan Sarawak 1.Masalah Pewarisan Takhta -Vyner Brooke (VB) tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikannya -Sedangkan beliau sudah tua dan uzur 2.Desakan Kerajaan British -British ingin menguasai kekayaan ekonomi Sarawak -Ingin menjaga kepentingan pelaburan British 3.Masalah Kewangan -Menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak -Lombong minyak dan lading getah musnah selepas Perang Dunia Kedua -Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula Sarawak	
Reaksi Penduduk Sarawak	
Faktor Penentangan	Faktor Menyokong
1.Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941 -Menurut Perlembagaan, rakyat Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir Sarawak -Namun, Vyner Brooke serahkan Sarawak kepada British 2.Vyner Brooke mengetepikan Surat wasiat Charles Brooke -VB membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda 3.G.T.MacBryan menggunakan muslihat -Menggunakan tekanan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan	1.Memajukan negeri -Penyerahan dapat memajukan politik, ekonomi dan sosial Sarawak -Dapat meningkatkan taraf hidup penduduk Sarawak 2.Memajukan Penduduk Tempatan -Membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan 3.Memberi Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam -Golongan Intelektual Sarawak diberi jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan
Bentuk Penentangan terhadap Penyerahan Sarawak 1.Mengadakan Demonstrasi -Sepanduk dan Poster antipenyerahan ditampal di pokok dan jeti 2.Meletakkan Jawatan Beramai-ramai -Penjawat awam meletakkan jawatan beramai-ramai sebagai tanda protes -Hal ini kerana British melarang penjawat awam terlibat dalam Gerakan antipenyerahan 3.Menggunakan Akhbar -Akhbar Utusan Sarawak digunakan untuk mengkritik penyerahan Sarawak	